



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 26 TAHUN 2007

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KX27, KX32**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, KX32 yang telah diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2005.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang berkuat kuasa diubah dengan memperuntuk lapisan gred kenaikan pangkat yang baru, Gred KX38 berikutan peningkatan kompleksiti tugas perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara di samping memperluas peluang kemajuan kerjaya pegawai. Selaras dengan keputusan ini, perbekalan dalam skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara sedia ada diubah sewajarnya.

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PENGUASA PENJARA

3. Perubahan yang telah dipersetujui oleh kerajaan ialah untuk menambah satu lagi lapisan gred kepada lapisan gred sedia ada. Ini menjadikan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang diubah ini mengandungi tiga (3) lapisan gred iaitu Gred KX27, KX32, KX38. Kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred KX32 ke Gred KX38 adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan dan syarat-syarat kenaikan pangkat yang berkuatkuasa. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan yang berkuatkuasa **dikekalkan**.

4. Skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang diubah adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B** dan Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**. Penghuraian kerja perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.

PELAKSANAAN

5. Dengan berkuat kuasa skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang diubah ini, semua Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, KX32 yang sedang berkhidmat adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang diubah di bawah pekeliling perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2008 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang diubah.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

6. Pelaksanaan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang diubah ini tidak melibatkan pindaan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedia ada bagi Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, KX32. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang diubah ini.

7. Berikutan dengan perubahan skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara, pelaksanaan pemberian Imbuan Tetap Khidmat Awam dan Imbuan Tetap Perumahan bagi Penolong Penguasa Penjara Gred KX38 adalah seperti berikut:

(a) Imbuan Tetap Khidmat Awam

| Jenis Imbuan | Kadar (RM) Sebulan |
|---------------------------|--------------------|
| Imbuan Tetap Khidmat Awam | 220.00 |

(b) Imbuan Tetap Perumahan

| Jenis Imbuan | Kadar (RM) Sebulan | | |
|------------------------|--------------------|---------|---------------|
| | Semenanjung | Sarawak | Sabah/ Labuan |
| Imbuan Tetap Perumahan | 420.00 | 450.00 | 580.00 |

8. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, KX32, KX38 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.


TARIKH KUAT KUASA

9. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, KX32, KX38 ini adalah mulai **1 Januari 2008**.

AM

10. Dengan berkuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2005 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2005 adalah diubah seperti di **Lampiran A**.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 Disember 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

LAMPIRAN A

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PENGUASA PENJARA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

| Gred | Jadual Gaji Matriks | | | | | |
|-------------|----------------------------|------|-----------|---|-------|-----------|
| KX27 | : | P1T1 | RM1215.14 | - | P1T26 | RM3045.29 |
| | | P2T1 | RM1284.72 | - | P2T26 | RM3232.90 |
| | | P3T1 | RM1357.32 | - | P3T26 | RM3426.42 |
| KX32 | : | P1T1 | RM2453.13 | - | P1T10 | RM3569.40 |
| | | P2T1 | RM2714.79 | - | P2T10 | RM3912.69 |
| KX38 | : | P1T1 | RM3042.24 | - | P1T12 | RM4660.61 |
| | | P2T1 | RM3255.50 | - | P2T12 | RM5149.20 |

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27 : P1T1);
atau
 - (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27 : P1T5);
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
- (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vi) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Penjara adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
- (ii) lulus peperiksaan khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred KX27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang dilantik secara terus atau Kenaikan Pangkat Secara Lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Penolong Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI /
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan menamatkan dengan jayanya kursus asas serta lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

9. Penolong Penguasa Penjara hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX32

10. Penolong Penguasa Penjara Gred KX27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED KX38

11. Penolong Penguasa Penjara Gred KX32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Penolong Penguasa Penjara Gred KX38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENGUASA PENJARA

12. Penolong Penguasa Penjara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang bagi Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Penguasa Penjara Gred KX41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.2005 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 23 Tahun 2005, JPA(S)(BPO)324/14/6-5 Klt.8 (35)].

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penolong Penguasa Penjara
(b) Kementerian/ Jabatan : Jabatan Penjara Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam

2. Jadual Gaji : Jadual Gaji Matriks

| | | | | | | |
|------|---|------|-----------|---|-------|-----------|
| KX27 | : | P1T1 | RM1215.14 | - | P1T26 | RM3045.29 |
| | | P2T1 | RM1284.72 | - | P2T26 | RM3232.90 |
| | | P3T1 | RM1357.32 | - | P3T26 | RM3426.42 |
| | | | | | | |
| KX32 | : | P1T1 | RM2453.13 | - | P1T10 | RM3569.40 |
| | | P2T1 | RM2714.79 | - | P2T10 | RM3912.69 |
| | | | | | | |
| KX38 | : | P1T1 | RM3042.24 | - | P1T12 | RM4660.61 |
| | | P2T1 | RM3255.50 | - | P2T12 | RM5149.20 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27 : P1T1); atau
 - (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KX27 : P1T5);

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;

(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vi) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

: Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pegawai Penjara adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Penguasa Penjara Gred KX27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam jawatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : Tetap
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Penguasa Penjara adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
(PENJARA)
SOKONGAN
(RM SEBULAN)**

PANGKAT : PENOLONG PENGUASA PENJARA

- I. GRED GAJI SSM: KX27
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: KX27000
- III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI MATRIKS : KX27

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 | T13 | T14 | T15 | T16 | T17 | T18 | T19 | T20 | T21 | T22 | T23 | T24 | T25 | T26 | | |
|-----------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| P1 | 1215.14 | 1281.69 | 1348.24 | 1414.79 | 1481.34 | 1547.89 | 1614.44 | 1680.99 | 1747.54 | 1814.09 | 1880.64 | 1947.19 | 2013.74 | 2080.29 | 2146.84 | 2213.39 | 2279.94 | 2346.49 | 2413.04 | 2479.59 | 2546.14 | 2612.69 | 2679.24 | 2745.79 | 2812.34 | 2878.89 | 2945.44 | 3011.99 |
| P2 | 1284.72 | 1354.30 | 1423.88 | 1493.46 | 1563.04 | 1632.62 | 1702.20 | 1771.78 | 1841.36 | 1910.94 | 1980.52 | 2050.10 | 2119.68 | 2189.26 | 2258.84 | 2328.42 | 2398.00 | 2467.58 | 2537.16 | 2606.74 | 2676.32 | 2745.90 | 2815.48 | 2885.06 | 2954.64 | 3024.22 | 3093.80 | 3163.38 |
| P3 | 1357.32 | 1429.92 | 1502.52 | 1575.12 | 1647.72 | 1720.32 | 1792.92 | 1865.52 | 1938.12 | 2010.72 | 2083.32 | 2155.92 | 2228.52 | 2301.12 | 2373.72 | 2446.32 | 2518.92 | 2591.52 | 2664.12 | 2736.72 | 2809.32 | 2881.92 | 2954.52 | 3027.12 | 3099.72 | 3172.32 | 3244.92 | 3317.52 |

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
(PENJARA)
SOKONGAN
(RM SEBULAN)**

PANGKAT : PENOLONG PENGUASA PENJARA

- I. **GREED GAJI SSM: KX32**
- II. **KOD GAJI KOMPUTER SSM: KX32000**
- III. **TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008**

JADUAL GAJI MATRIKS : KX32

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 |
|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| P1 | 2453.13 | 2577.16 | 2701.19 | 2825.22 | 2949.25 | 3073.28 | 3197.31 | 3321.34 | 3445.37 | 3569.40 |
| P2 | 2714.79 | 2847.89 | 2980.99 | 3114.09 | 3247.19 | 3380.29 | 3513.39 | 3646.49 | 3779.59 | 3912.69 |

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
(PENJARA)
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

PANGKAT : PENOLONG PENGUASA PENJARA

I. GRED GAJI SSM: KX38

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: KX38000

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI MATRIKS : KX38

| | T1 | T2 | T3 | T4 | T5 | T6 | T7 | T8 | T9 | T10 | T11 | T12 |
|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|------------|------------|
| P1 | 3042.24 | 3142.07 | 3241.90 | 3341.73 | 3506.59 | 3671.45 | 3836.31 | 4001.17 | 4166.03 | 4330.89 | 4495.75 | 4660.61 |
| P2 | 3255.50 | 3364.40 | 3542.88 | 3721.36 | 3899.84 | 4078.32 | 4256.80 | 4435.28 | 4613.76 | 4792.24 | 4970.72 | 5149.20 |

**PENGHURAIAN KERJA
PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KX27**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Penjara Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek Penahanan dan Pelaksanaan Hukuman

- (a) Bertanggungjawab dalam mengawalselia dan mengemaskini pengurusan penghuni bermula dari proses penerimaan sehingga penghuni dibebaskan berdasarkan kepada perintah pihak berkuasa;
- (b) Menyediakan rayuan dan Penyata Empat Tahun kepada penghuni yang layak untuk dipertimbangkan mengikut peruntukan Undang-undang Penjara 1995 dan Peraturan Penjara 2000; dan
- (c) Memastikan segala harta benda penghuni yang ditahan dicatatkan dengan tepat dan disimpan dalam keadaan baik, teratur dan selamat sehingga penghuni dibebaskan.

2.2 Aspek Keselamatan

- (a) Bertanggungjawab kepada blok atau bengkel atau tempat tugas yang ditetapkan seperti dalam Jadual Atur Kerja di sesebuah penjara;

- (b) Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas penyeliaan kepada semua pegawai bawahan bagi mencapai objektif Institusi;
- (c) Mengetuai pelaksanaan tugas-tugas penyeliaan terhadap kawalan keselamatan penghuni, keselamatan fizikal di blok-blok penempatan penghuni dan institusi penjara secara keseluruhan;
- (d) Bertindak sebagai pegawai yang bertanggungjawab dalam mengendalikan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu di mana berkenaan;
- (e) Bertanggungjawab kepada sebarang kejadian yang berlaku sama ada di blok, bengkel, mana-mana tempat dalam penjara dan semasa mengiring banduan di luar penjara; dan
- (f) Melaksanakan tugas sebagai Pegawai Risikan di peringkat Institusi.

2.3 **Aspek Pemulihan dan Rawatan**

- (a) Bertanggungjawab sebagai Pegawai Kaunseling dalam program pemulihan penghuni dan membimbing mereka dalam penyelesaian masalah;
- (b) Melaksanakan dan menyampaikan ceramah mesej dari penjara kepada orang awam dan sekolah-sekolah;
- (c) Bertanggungjawab membanteras penyalahgunaan dadah dalam kawasan penjara ke atas kakitangan dan penghuni dengan melaksanakan ujian air kencing ke atas mereka.

- (d) Membantu dalam pelaksanaan sistem parol (post release program) serta bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dalam usaha pembentukan komuniti yang prihatin dengan bekas banduan.

2.4 **Aspek Pengurusan Kepenjaraan**

- (a) Bertanggungjawab dalam melaksanakan latihan kemahiran dan latihan harian di Institusi untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kepada anggota dijalankan mengikut jadual;
- (b) Melaksanakan penerapan nilai-nilai murni melalui program ceramah yang dilaksanakan mengikut jadual;
- (c) Mengawalselia aktiviti-aktiviti pembangunan di Institusi dan memastikan ianya menepati spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan; dan
- (d) Bertanggungjawab dalam pengurusan lawatan keluarga banduan.

3. **HUBUNGAN KERJA**

3.1 **Luaran**

- i. Orang Awam
- ii. Jabatan/agensi kerajaan
- iii. Syarikat swasta
- iv. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- v. Bekas banduan

3.2 **Dalaman**

- i. Rakan sekerja di institusi penjara
- ii. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama
- iii. Penghuni penjara

4. **PERSEKITARAN KERJA**

- 4.1 Dalam dan di luar Institusi

5. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

- 5.1 Penolong Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. **ANCAMAN**

- 6.1 Rasuah; dan
- 6.2 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman banduan, penyakit berjangkit (HIV/AIDS, tibi), ugutan, tebusan dan serangan.

**PENGHURAIAN KERJA
PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KX32**

1. **PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Penjara Malaysia

2. **SKOP FUNGSI DAN TUGAS**

2.1 **Aspek Penahanan dan Pelaksanaan Hukuman**

- (a) Bertindak sebagai Pegawai Unit Dokumentasi Pengurusan Penghuni dalam memastikan penahanan dan pelaksanaan hukuman penghuni berlandaskan peruntukan Undang-undang Penjara 1995 dan Peraturan-peraturan Penjara 2000;
- (b) Mengawalselia rayuan penghuni yang layak dipertimbang dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditentukan; dan
- (c) Memastikan penghuni yang telah tamat menjalani hukuman dibebaskan mengikut tarikh yang ditetapkan.

2.2 **Aspek Keselamatan**

- (a) Bertindak sebagai *Duty Officer* seperti dalam Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Bil. E 112 (Penjara Medium);
- (b) Mengetuai atau membantu Ketua Unit Kawalan dan Pencegahan (UKP) dalam menyelia dan melaksanakan operasi membanteras penyeludupan artikel larangan dalam kawasan penjara

berdasarkan Akta Penjara 1995, Peraturan-peraturan Penjara 2000, Perintah-perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara dan pekeliling yang dikeluarkan;

- (c) Memberi arahan berkaitan operasi harian mengikut giliran bertugas kepada pegawai di bawah jagaannya;
- (d) Bertindak sebagai Ketua Pengiring dalam melaksanakan tugas-tugas pengiringan banduan yang dijatuhi hukuman seumur hayat, seumur hidup, tahanan limpah sultan, tahanan Mahkamah Persekutuan;
- (e) Bertanggungjawab kepada Penolong Penguasa Penjara Gred KX38 yang bertugas mengikut giliran di atas sebarang kejadian yang berlaku sama ada di blok, bengkel, mana-mana tempat dalam penjara dan luar penjara; dan
- (f) Bertanggungjawab dalam menerima catuan mentah dari pihak pembekal dan memastikan ianya menepati spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan dalam kuantiti yang mencukupi.

2.3 Aspek Pemulihan dan Rawatan

- (a) Membantu ketua unit melaksanakan program pemulihan ke atas penghuni yang mengikuti Pelan Pembangunan Insan;
- (b) Menyelaras mekanisme kawalan komuniti yang boleh menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pencegahan jenayah secara berperingkat;
- (c) Bertanggungjawab dalam memastikan ujian air kencing yang dilaksanakan memenuhi kuota yang ditetapkan bagi

mengelakkan berlakunya penyalahgunaan dadah di kalangan kakitangan dan penghuni;

- (d) Menguruskan keperluan dan kelengkapan peralatan bengkel perusahaan dan vokasional agar bersesuaian dengan teknologi semasa; dan
- (e) Membantu ketua unit dalam penyediaan Anggaran Belanjawan Mengurus.

2.4 **Aspek Pengurusan Kepenjaraan**

- (a) Membantu dalam merancang aktiviti-aktiviti latihan kakitangan secara berterusan;
- (b) Mengawalselia pelaksanaan latihan kemahiran dan latihan harian kepada anggota;
- (c) Membantu ketua unit dalam merancang aktiviti-aktiviti pembangunan di Institusi selaras dengan keperluan semasa dan tidak menjejaskan aspek keselamatan penjara;
- (d) Memeriksa dan menyelia sistem keselamatan elektronik dalam kawasan penjara sentiasa berfungsi dengan baik; dan
- (e) Mengawalselia tindakan yang diambil berkaitan aduan pelanggan agar imej jabatan tidak terjejas.

3. **HUBUNGAN KERJA**

3.1 **Luaran**

- i. Orang Awam
- ii. Jabatan/agensi kerajaan
- iii. Syarikat swasta
- vi. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- vii. Bekas banduan

3.2 **Dalaman**

- i. Rakan sekerja di institusi penjara
- ii. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama
- iii. Penghuni penjara

4. **PERSEKITARAN KERJA**

4.1 Dalam dan di luar institusi

5. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

- 5.1 Penolong Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. **ANCAMAN**

6.1 Rasuah; dan

- 6.2 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman banduan, penyakit berjangkit (HIV/AIDS, tibi), ugutan, tebusan dan serangan.

**PENGHURAIAN KERJA
PENOLONG PENGUASA PENJARA GRED KX38**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Penjara Malaysia

2. SKOP FUNGSI DAN TUGAS

2.1 Aspek Penahanan dan Pelaksanaan Hukuman

- (a) Bertindak sebagai Ketua Unit Dokumentasi Penghuni dan memastikan banduan sabitan menjalani tempoh hukuman yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan dibebaskan pada tarikh yang ditentukan;
- (b) Bertanggungjawab dalam memastikan banduan reman dan banduan sabitan menghadiri perbicaraan di mahkamah pada tarikh yang telah dijadualkan;
- (c) Menguruskan aduan banduan berkaitan kebajikan dan layanan selaras dengan peruntukan Undang-undang Penjara 1995 dan Peraturan-peraturan Penjara 2000; dan
- (d) Menyedia dan mengumpulkan statistik berkaitan kemasukan dan pembebasan penghuni dan secara berkala untuk dikemukakan ke Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan agensi-agensi lain yang berurusan dengan Jabatan Penjara Malaysia.

2.2 **Aspek Keselamatan**

- (a) Bertindak sebagai *Duty Officer* seperti dalam Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara Bil. E 112 (Penjara maksimum);
- (b) Membuat keputusan di peringkat operasi harian ketika bertugas giliran berkaitan keselamatan banduan di penjara;
- (c) Bertanggungjawab menjalankan tugas rondaan dan pemeriksaan di kawasan penjara atau mana-mana kawasan atau tempat di mana banduan berada;
- (d) Melaksanakan tugas sebagai Ketua Unit Kawalan dan Pencegahan (UKP) dalam melaksanakan operasi membanteras penyeludupan artikel larangan dalam kawasan penjara berdasarkan Akta Penjara 1995, Peraturan-peraturan Penjara 2000, Perintah-perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan dari semasa ke semasa;
- (e) Bertindak sebagai Ketua Pengiring dalam melaksanakan tugas-tugas pengiringan banduan berisiko tinggi untuk tujuan perpindahan ke Institusi lain; dan
- (f) Bertanggungjawab melantik Pegawai Penyiasat Institusi untuk melaksanakan tugas-tugas siasatan ke atas penghuni yang melanggar tata tertib penjara berdasarkan Akta Penjara 1995 dan Peraturan-peraturan Penjara 2000.

2.3 Aspek Pemulihan dan Rawatan

- (a) Bertindak sebagai ketua unit dalam aktiviti-aktiviti pemulihan dan rawatan banduan;
- (b) Memantau dan memastikan penghuni yang menjalani hukuman atau yang ditahan di Institusi mengikuti modul-modul pemulihan yang ditetapkan;
- (c) Mengawalselia bengkel-bengkel perusahaan dan vokasional agar mematuhi prosedur-prosedur keselamatan yang telah digariskan;
- (d) Memastikan bayaran gaji dan saguhati kepada banduan yang bekerja di bengkel-bengkel perusahaan dan vokasional dibuat tuntutan;
- (e) Bertanggungjawab merancang dan mengatur jadual pameran berkaitan aktiviti-aktiviti penghuni di pelbagai lokasi;
- (f) Bertanggungjawab merancang pemasaran produk Institusi dan menyusun strategi untuk mempromosikan produk yang dihasilkan;
- (g) Mengawalselia kualiti dan kuantiti produk yang dihasilkan oleh bengkel-bengkel perusahaan dan vokasional Institusi; dan
- (h) Bertanggungjawab memilih penghuni yang layak dipertimbang untuk program khidmat masyarakat dan mengawalselia pelaksanaannya agar mematuhi prosedur dan standard yang ditetapkan.

2.4 Aspek Pengurusan Kepingjaraan

- (a) Bertanggungjawab merancang jadual latihan atau kursus dalaman kepada kakitangan;
- (b) Bertanggungjawab memberikan taklimat kepada kakitangan yang ditugaskan mengiring ke mahkamah, hospital luar dan tempat-tempat lain yang diarahkan agar sentiasa mematuhi prosedur, Perintah-perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara, Pekeliling dan arahan-arahan yang dikeluarkan bagi mengelakkan berlakunya kejadian luar biasa;
- (c) Memantau jadual tugas harian kakitangan;
- (d) Mengawalselia kenderaan-kenderaan jabatan dan memastikan penyelenggaraan dilaksanakan mengikut jadual; dan
- (e) Bertanggungjawab menyediakan Anggaran Belanjawan Mengurus mengikut aktiviti dan Anggaran Pembangunan dan langkah-langkah pembaikan peringkat Institusi.

3. HUBUNGAN KERJA

3.1 Luaran

- i. Orang Awam
- ii. Jabatan/agensi kerajaan
- iii. Syarikat swasta
- iv. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- v. Bekas banduan

3.2 **Dalaman**

- i. Rakan sekerja di institusi penjara
- ii. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama
- iii. Penghuni penjara

4. **PERSEKITARAN KERJA**

- 4.1 Dalam dan di luar Institusi

5. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

- 5.1 Penolong Penguasa Penjara boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

6. **ANCAMAN**

- 6.1 Rasuah; dan
- 6.2 Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman banduan, penyakit berjangkit (HIV/AIDS, tibi), ugutan, tebusan dan serangan.